

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**

**MESYUARAT PERTAMA,**

**PENGGAL PERTAMA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**MAJLIS MESYUARAT DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJI ABIDULLAH BIN SALLEH**

**TARIKH : 5 SEPTEMBER 2018 (RABU)**

**SOALAN : 27**

**DATUK HAJI ABIDULLAH BIN SALLEH** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan mengenai sindiket kereta klon yang berleluasa di dalam negara. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah ini.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kerajaan sememangnya memandang serius akan isu kenderaan klon ini dan tindakan telah diambil sejak tahun 2014 lagi oleh Kementerian Pengangkutan melalui Jabatan Pengangkutan Jalan yang giat menjalankan operasi tangkapan dan menghapuskan kegiatan penggunaan kenderaan klon ini. Kegiatan membawa masuk kereta klon ini adalah disebabkan oleh permintaan yang tinggi dalam negara kita dan kenderaan ini dibawa masuk tanpa membayar cukai kastam dan dijual dengan harga yang murah.

Kenderaan klon di kategori sebagai kenderaan motor yang pemilikannya adalah secara tidak sah dari sisi undang-undang. Modus operandi kereta klon termasuklah kereta yang diseludup dari negara jiran dan menggunakan nombor pendaftaran palsu yang dikendalikan oleh sindiket tertentu.

Tuan Yang di-Pertua,

Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Pengangkutan ialah melalui mempergiatkan operasi secara harian atau rutin terhadap kegiatan sindiket penggunaan kereta *klon* ini oleh JPJ Negeri dan Cawangan. Melalui operasi-operasi ini, bilangan tangkapan atau penyitaan kereta *klon* pada tahun 2014 adalah sebanyak 122, tahun 2015 sebanyak 557, tahun 2016 sebanyak 1896, tahun 2017 sebanyak 557 dan pada tahun 2018 sebanyak 109 buah, jumlah keseluruhan kereta *klon* yang telah ditahan

atau disita ialah sebanyak 3241 buah.

Di bawah peruntukan undang-undang yang sedang berkuatkuasa JPJ diberi kuasa di bawah subseksyen 64(4) Akta Pengangkutan Jalan 1987 boleh membuat permohonan kepada Mahkamah untuk mendapatkan perintah lucut hak terhadap kereta klon dan sehingga bulan Mei 2018 JPJ telah berjaya mendapatkan perintah lucut hak daripada Mahkamah terhadap kereta *klon* sebanyak 1375 buah.

Bagi membanteras perkara ini, Kementerian Pengangkutan akan memperkenalkan suatu kawalan kemasukan kenderaan pendaftaran asing yang lebih ketat dan sistematik melalui pelaksanaan sistem *Vehicle Entry Permit* (VEP). Sistem VEP ini akan dilaksanakan secara berperingkat dengan fasa pertama akan dikuatkuasakan di pintu sempadan Malaysia-Singapura mulai penghujung tahun ini.

Sistem VEP merupakan inisiatif terbaik untuk dilaksanakan bagi mendaftar maklumat kenderaan dan merekodkan pergerakan keluar masuk kenderaan asing. Langkah ini penting untuk mempertingkatkan aspek-aspek keselamatan dan kawalan sempadan bagi kepentingan negara. Selain itu, ianya juga akan dapat mengesan kenderaan-kenderaan yang memasuki Malaysia melebihi had masa yang ditetapkan dan seterusnya dapat membantu untuk membanteras kegiatan kereta klon.